

PERSEDIAAN INSTITUSI ZAKAT MENGGUNAKAN MATA WANG KRIPTO (*BITCOIN*)

Readiness of Zakat Institution for using Crypto Currency (Bitcoin)

Mohd Faiz Mohd Yaakob^{1*}

Aliff Nawi²

Raja Rizal Iskandar Raja Hisham³

^{1,2,3}Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author (Email: mohdfaizmohdyaakob@gmail.com)

Diterima: 22 August 2019, Diproses: 5 September 2019, Diterbitkan: 18 September 2019

Abstrak: *Perkembangan pesat bidang penyelidikan sains dan teknologi memberi kesan kepada globalisasi dalam sistem kewangan. Kini, penggunaan teknologi blockchain telah diiktiraf oleh pelbagai industri terutamanya yang menggunakan transaksi cryptocurrency. Cryptocurrency dicipta sebagai mata wang digital bagi memudahkan transaksi pembayaran secara atas talian dilakukan daripada suatu pihak atau individu kepada suatu pihak yang lain tanpa perlu menerusi pihak ketiga. Persoalannya, bagaimanakah hukum transaksi mata wang ini? Apakah perkara ini mampu menjadi alternatif sebagai platform pembayaran zakat? Kertas kerja ini membincangkan khusus kepada cryptocurrency(Bitcoin) dan mencadangkan panduan penerimaan institusi zakat sebelum menerimanya sebagai salah satu medium transaksi. Semoga kertas kerja ini berupaya memberikan sumbangan kepada perkembangan akademik dan pengurusan zakat.*

Kata Kunci: *Cryptocurrency(Bitcoin) Zakat, Hukum, Kesediaan Institusi Zakat.*

Abstract: *The development in science and technology research have impacted globalization on the financial system. Now, the usage of blockchain technology was recognized by various industries especially using cryptocurrency transactions. Cryptocurrency created as digital currency to facilitate online payment transactions from an entity or individual to its counterpart without the intervention of the third party. The questions are, how Islamic view(Hukum) on Bitcoin transactions?. Does it capable to be the alternative platform to fulfill zakat payment? This paper discusses on cryptocurrency and suggests a guideline before acceptance as one of the mediums of transactions . This paper seeks to contribute to the academic development and zakat management.*

Keywords: *Cryptocurrency(Bitcoin) Zakat, Hukum, Readiness of Zakat Institution.*

PENGENALAN

Zaman kian berubah. Kini, transaksi dan urus niaga dalam talian (*online*) berkembang dengan pesat. Mata wang digital seperti *Bitcoin* menjadi salah satu medium pertukaran (*medium of exchange*) dalam hal ini. Terdapat sesetengah premis yang masa kini menggunakan *Bitcoin* yang mengakibatkan ramai pengguna telah mencuba mendapatkan mata wang ini, walaupun mata wang ini bukan mata wang yang diiktiraf di kebanyakan negara lain di peringkat antarabangsa.

Walaupun bagaimanapun, terdapat pelbagai risiko penggunaan transaksi *Bitcoin* terhadap pengguna. Ini disebabkan kerana transaksi *cryptocurrency* lebih mudah dan cepat berbanding penggunaan wang, penggunaan *cryptocurrency* juga disalahguna untuk tujuan pengubahan wang haram (Sat et al. 2016), penipuan dalam skim pelaburan (Chohan, 2018), penglibat jenayah siber (Safitri et al. 2019) mendanai aktiviti terrorism (Ziegler, 2018) dan lain-lain. Oleh yang demikian, beberapa negara seperti UK, US, Japan, Korea Selatan, Perancis dan Iran telah mengambil langkah drastik untuk menyediakan peraturan kawal selia bagi melindungi pengguna disamping mengenakan cukai terhadap setiap transaksi yang dilakukan.

Senario ini menjadikan para pakar dan ilmuwan dalam pelbagai bidang di seluruh dunia memberi perhatian yang khusus terhadap hukum hakam dan risiko penggunaan wang krypto. Sehingga hari ini, banyak pandangan yang dikeluarkan oleh pihak berwajib lebih cenderung untuk menyatakan wang krypto perlu dikaji dengan lebih mendalam. Lebih-lebih lagi apabila perkara ini berkait rapat dengan perkara yang boleh memberi manfaat atau mudarat kepada pengguna orang Islam.

BITCOIN

Bitcoin merupakan mata wang berbentuk digital yang mula diperkenalkan pada tahun 2009 oleh Satoshi Nakamoto, satu nama atau entiti yang masih belum diketahui sehingga sekarang dan masih dibincangkan dan diperdebatkan samada nama ini merujuk kepada seorang individu mahupun sekumpulan atau sekelompok golongan manusia.

Proses dan Operasi *Bitcoin* (dan juga mata wang digital / krypto yang lain) diselenggara oleh satu autoriti yang tidak berpusat, dan berbeza dengan mata wang biasa yang diselenggara oleh badan kewangan atau bank negara autoriti masing-masing. Transaksi *Bitcoin* dijalankan secara terus melalui saluran kriptografi antara pengguna tanpa ada perantara atau orang tengah. Malah, boleh ditukar atau dijual beli dengan mata wang biasa, produk atau servis.

Bitcoin merupakan suatu aset pertama dalam bentuk mata wang dinamakan krypto, menjadikannya sebagai aset paling popular dan mahsyur dalam kalangan pengguna. *Bitcoin* mula dihasilkan melalui proses penempaan (*mining*) yang mengambil satu jangka masa yang lama dan amat panjang, dengan cara penyelesaian masalah dan juga formula matematik untuk menghasilkan *Bitcoin* menggunakan perisian dan peralatan komputer.

Sementara itu, penghasilan *Bitcoin* telah ditetapkan untuk tidak melebihi 21 juta *Bitcoin*, dan pada kadar sekarang, dijangka habis ditempa kira-kira pada tahun 2040. Jaringan blok (*blockchain*) pula ialah satu lejer awam yang merekodkan segala transaksi *Bitcoin* yang dapat diakses oleh semua pengguna yang terlibat dengan proses transaksi dan penempaan *Bitcoin*.

Bitcoin dicipta bagi membolehkan transaksi pembayaran secara atas talian (*online*) dihantar secara terus dari satu pihak kepada pihak yang lain (*peer-to-peer*) tanpa perlu melalui

institusi perbankan atau kewangan sebagai pihak ketiga dan ia akan melicinkan urusan transaksi.

Selain itu, masalah penggodaman terhadap sistem juga amat sukar dilakukan kerana teknologi blockchain yang digunakan adalah berbentuk lejer awam yang merekodkan segala transaksi yang dibuat, dan lejer ini dapat diakses dan dikawal selia oleh kesemua pengguna. Melalui sistem ini, penggodam tidak mampu menipu sistem untuk menempa Bitcoin secara tidak sah. Bitcoin juga mampu menyediakan perkhidmatan transaksi yang lebih murah berbanding institusi perbankan yang mengenakan kadar cas perkhidmatan beberapa peratus, bergantung kepada bank dan jenis transaksi.

PANDANGAN BADAN FATWA DAN SARJANA ISLAM BERKENAAN BITCOIN

Secara umumnya, terdapat tiga bahagian pandangan sarjana Islam mengenai perkara ini seperti mengharamkan dan melarang; mengharuskan dan Tawaquf. Apabila pandangan sarjana Islam ini mengharamkan dan melarang penggunaan *Bitcoin*, maka zakat juga diharamkan daripada wang ini berdasarkan kaedah *Sadd Zarai'i*. Para cendekiawan Islam telah berikhtilaf dan berbeza kepada 3 pandangan dalam menentukan hukum bagi Bitcoin ini seperti berikut:

Pandangan Yang Mengharamkan dan Melarang

i. Darul Iftaa' Misriyyah (Majlis Fatwa Mesir) (dar-alifta.org, 2018)

Keterlibatan dalam urusan dan transaksi Bitcoin adalah diharamkan dari sudut syarak kerana risikonya yang terlalu besar terhadap individu dan negara. Menurut Mufti Republik Mesir Syeikh Shauqi 'Allam, Bitcoin diharamkan berdasarkan kepada alasan-alasan yang berikut:

- (a) Bitcoin tidak menepati syarat untuk diiktiraf sebagai mata wang.
- (b) Tidak mempunyai nilai sandaran dan tidak dikawal selia mana-mana pihak berautoriti.
- (c) Mempunyai unsur jahalah, gharar dan manipulasi yang amat sukar dikawal.
- (d) Boleh menjadi saluran untuk kegiatan-kegiatan haram dan melanggar undang-undang seperti mendanai aktiviti pengganas (Daesh), pengubahan wang haram dan mengelak daripada membayar cukai (*tax evasion*).
- (e) Pengeluaran mata wang adalah hak mutlak pemerintah dan institusi kewangan rasmi sesebuah negara.
- (f) Pelaburan yang berisiko tinggi dan boleh menyebabkan kerugian menyeluruh terhadap pelabur, serta pelabur juga tidak disediakan sebarang ganti rugi atas kerugian tersebut.

ii. Syeikh Ali Qaradaghi

Menurut beliau, pandangannya tidak bersetuju dengan pandangan yang mengharuskan atau mengharamkan *Bitcoin* secara mutlak, dan beliau menggesa agar para ulama dan pakar ekonomi mengadakan satu pertemuan khas bagi mencapai satu kata sepakat berkenaan isu ini. Sistem pengeluaran dan transaksi Bitcoin dalam bentuk yang ada pada masa sekarang adalah tidak syar'ie, kerana amat terdedah kepada kegiatan-kegiatan haram dan salah guna oleh pihak tertentu, seperti pengubahan wang haram serta menggugat integriti sistem kewangan negara. Kebanyakan mata wang kripto yang ada pada masa sekarang tidak menepati syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk sesuatu itu diiktiraf sebagai mata wang:

- a. Medium pertukaran (*medium of exchange*)

- b. Penyimpanan nilai (*mahkzunān lil tsarwāh* atau *store of value*)
- c. Ukuran kestabilan (*Miqyas lil Qiyam*)
- d. Ukuran penerimaan umum (*Mi'yar li Tadawul*)

Walaupun bagaimanapun, *Bitcoin* boleh menjadi harus jika sekiranya penambahbaikan dilakukan terhadapnya dan ditetapkan beberapa *dhawabit* (*parameter*) dalam pelaksanaannya. Antara cadangan beliau adalah supaya kerajaan mengiktirafnya dan menjadikannya sebagai mata wang alternatif kepada mata wang sedia ada bagi melindungi para pelabur daripada sebarang kerugian, dan agar kerajaan boleh mengawal selia segala aktiviti berkaitan.

Tetapi, beliau juga menasihatkan agar umat Islam mengelakkan penglibatan dengan *Bitcoin* buat masa sekarang kerana risikonya yang terlalu besar. Bagi umat Islam yang telah terlibat dengan urusan *Bitcoin*, mereka diminta agar segera menjualkannya, dan mereka berhak menyimpan nilai modal sewaktu membeli *Bitcoin* dan menyedekahkan hasil keuntungan pelaburan *Bitcoin* tersebut (*capital gain*) kepada mana-mana pihak yang memerlukan (qaradaghi.com, 2018)

iii. Wifaq al-'Ulama

Bitcoin adalah tidak dibenarkan atas beberapa faktor, iaitu harganya di pasaran yang sangat tidak stabil, serta kaedah penempaan *Bitcoin* (*mining*) yang mempunyai unsur perjudian (wifaqululama.co.uk, 2018)

iv. Datuk Dr. Zulkifli Al-Bakry

Beliau merupakan mufti wilayah persekutuan dan telah mengeluarkan pandangan dengan begitu teliti dalam *website* bayan linnas. Ulasan beliau akhirnya menatijahkan bahawa *Bitcoin* ini dilarang penggunaannya. Walaupun bagaimanapun, tertakluk kepada perkembangan dan peredaran zaman dengan beberapa aspek diperbaharui untuk diharuskan (muftiwp.gov.my, 2018)

v. Dr. Ahmad Sufyan Che Abdullah

Beliau secara peribadi menyatakan *Bitcoin* dilihat satu alat baru yang tidak dapat dipastikan identitinya secara khusus sama ada ia berbentuk mata wang atau sebaliknya. Namun, dalam masa yang sama tidak dinafikan terdapat beberapa isu syariah terhadap mata wang ini seperti kadar spekulasi yang tinggi, mudah berlaku penyelewangan dan penipuan, tiada sandaran, tiada kawalan daripada pihak berautoriti dan sebagainya. Oleh itu, disebabkan faktor-faktor tersebut, beliau berpandangan *Bitcoin* tidak diharuskan bagi menjaga kepentingan masyarakat awam (muftiwp.gov.my, 2018)

Pandangan Yang Mengharuskan

Sementara itu, terdapat sebahagian sarjana lain pula mengharuskan penggunaan mata wang ini antaranya:

i. Datuk Dr. Mohd Daud Bakar

Meneliti dalam satu pembentangan dalam program '*Cryptocurrency, Blockchain & Distributed Ledger Technology: Synergizing Technology & Shariah*' di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 29 November 2017, beliau menyatakan bahawa *Bitcoin* adalah patuh syariah, namun depan mata wang kripto tersebut masih lagi tidak jelas. Beliau

berpandangan pelaburan dalam Bitcoin adalah harus, dan keuntungan yang diperoleh dikenakan zakat (muftiwp.gov.my, 2018)

Beliau juga telah menolak hujah kalangan yang tidak bersetuju dengan Bitcoin bahawa elemen *gharar*(ketidakpastian / ketidakjelasan) kerana nilai yang sangat tidak stabil dan kemungkinan sistem mata wang digital itu sendiri akan runtuh (*collapse*) pada bila-bila masa. Risiko (*khatar*), tidak mempunyai kesan ke atas hukum sesuatu perkara, dan harus dibezakan dengan *gharar* yang memberi kesan ke atas hukum. Risiko adalah perkara yang normal dalam setiap perkara sama ada pelaburan, perniagaan dan apa jua bidang(muftiwp.gov.my, 2018)

Volatility Bitcoin pula tidak boleh dijadikan *'illah* kepada pengharaman Bitcoin dan tidak memainkan peranan dalam menentukan status Sharia-compliance sesuatu perkara. Beliau memberi contoh emas, yang mana nilainya adalah sangat tidak stabil, namun ia tidak bermakna jual belinya perlu diharamkan. Langkah yang perlu diambil adalah memperkenalkan peraturan dan regulasi untuk mengawal kestabilan nilai dan mengurus transaksinya. Hal yang sama juga harus diperkenalkan untuk Bitcoin (muftiwp.gov.my, 2018)

Mata wang kripto adalah patuh syariah dan memenuhi semua syarat mata wang yang digariskan, serta menyatakan naik turunnya nilai mata wang adalah perkara biasa yang ditentukan oleh aspek pasaran dan kepercayaan pengguna. Selain itu, beliau juga menulis bahawa mata wang ini sekurang-kurangnya boleh menjadi mata wang yang sah kepada mereka yang percaya kepada nilaiannya. Berkenaan risiko penggubahan wang haram yang dikaitkan dengan Bitcoin pula, beliau menjawab bahawa wang kertas juga terdedah kepada aktiviti pelanggaran undang-undang sebelum beberapa peraturan dan regulasi diperkenalkan bagi menangani masalah tersebut. Beliau percaya minda manusia akan mampu mengawal selia urusan kewangan berasaskan teknologi ini (coin.my, 2018)

ii. Dr. Zaharuddin Abd Rahman

Setelah melakukan penelitian, Bitcoin boleh digunakan dalam urusan jual beli kerana ia menepati ciri-ciri mata wang yang digariskan oleh Islam, namun bukanlah satu legal tender iaitu mata wang yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negara. Beliau juga mengharuskan menyimpan Bitcoin sekadar untuk menyimpan nilai dan melawan inflasi, dan untuk dijual semula apabila memerlukan wang tunai pada masa hadapan, dan tidak harus disimpan sebagai satu bentuk pelaburan (muftiwp.gov.my, 2018)

Bahkan, beliau mengingatkan bagi sesiapa yang telah melibatkan diri dengan Bitcoin untuk membayar zakat simpanan apabila cukup haul. Beliau turut menambah kepentingan kajian yang mendalam bagi sesiapa yang ingin melibatkan diri dengan Bitcoin atau mana-mana mata wang kripto agar tidak terjebak dengan skim penipuan yang banyak muncul sejak akhir-akhir ini. Akhirnya beliau juga menjangkakan Bitcoin akan menjadi lebih stabil pada masa akan datang (muftiwp.gov.my, 2018)

iii. Mufti Muhammad Abu-Bakar

Berdasarkan kajian yang beliau lakukan bertajuk *Shariah Analysis of Bitcoin, Cryptocurrency, and Blockchain*, beliau cenderung untuk mengharuskan Bitcoin dengan beberapa syarat:

a. Bitcoin hanya diharuskan di negara-negara yang tidak melarang transaksi Bitcoin. Adapun jika undang-undang negara tersebut melarang, maka ia turut dilarang daripada sudut syariah.

- b. Bitcoin haruslah dijual beli / digunakan sebagai satu mata wang menurut tujuan asal dicipta, dan bukannya sebagai satu aset pelaburan.
- c. Beliau turut menasihatkan pengguna agar berhati-hati dengan sebarang skim penipuan yang cuba memperdaya pengguna dengan menjanjikan keuntungan berlipat ganda atas nama pelaburan Bitcoin, serta risiko kerugian yang bakal dihadapi memandangkan ketidakstabilan nilainya di pasaran (Mufti Muhammad Abu-bakar, 2018)

Tawaqquf (belum memberi pandangan secara rasmi)

Terdapat juga pandangan sarjana Islam yang bersifat tawaqquf iaitu masih lagi belum memberikan ketetapan pada permasalahan kerana ingin mendapat gambaran yang lebih luas dan menyeluruh antaranya:

International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)

Dalam satu kertas kerja yang dibentangkan oleh Dr. Marjan Muhammad di Persidangan Meja Bulat Mata Wang Kripto dan Sistem Kewangan Digital di Dewan Besar IKIM (28 Februari 2018), dikemukakan beberapa pandangan badan fatwa dan sarjana berkenaan isu Bitcoin ini. Namun ISRA tidak melakukan sebarang pentarjihan ke atas mana-mana pendapat (Marjan Muhammad, 2018)

RUMUSAN PANDANGAN SARJANA MENGENAI BITCOIN

Setelah membincangkan pelbagai pandangan-pandangan sarjana terhadap isu ini, maka didapati bahawa Bitcoin merupakan satu alat baru yang telah diperkenalkan oleh pihak tertentu sebagai alternatif kepada sistem mata wang yang sedia ada dalam sesebuah negara. Para sarjana telah berbeza kepada 3 pandangan dalam menentukan hukum bagi isu ini. Perbezaan ini muncul apabila berlakunya perbezaan dari sudut pandang mereka. Bagi ulama yang mengharuskan, mereka lebih melihat dari sudut mikro *Bitcoin*, ia merupakan mata wang yang menepati ciri-ciri mata wang dan tiada sebarang elemen *gharar* dan *jahalah* yang boleh merosakkan transaksi mata wang ini

Namun, bagi ulama yang mengharamkan, didapati lebih melihat Bitcoin dari sudut makro dan jangkaan skop yang lebih luas. Kewujudan mata wang ini boleh menggugat kestabilan mata wang sesebuah negara di samping ketiadaan pengawasan dan pengawalan oleh pihak berautoriti. Penggunaan *Bitcoin* juga diramalkan akan melahirkan lebih banyak masalah dengan kemunculan skim-skim pelaburan penipuan serta jalan mudah bagi pengganas dan penjenayah siber

Terdapat juga sebahagian kecil ulama yang lebih bersifat tawaqquf dalam isu ini. Ini kerana didapati mereka lebih mengambil langkah yang selamat dan berhati-hati dengan mencari sebanyak mungkin gambaran terhadap penggunaan mata wang ini. Keputusan yang muktamad dikeluarkan setelah mereka benar-benar berpuas hati dengan maklumat yang diperolehi. Ringkasnya, hukum penggunaan mata wang Bitcoin dapat dilihat seperti jadual di bawah:

Pandangan Ulama

Haram/Dilarang: Darul Iftaa' Misriyyah, Syeikh 'Ali Qaradaghi, Wifaq al-Ulama, Dr. Ahmad Sufyan Che Abdullah, Datuk Dr. Zulkifli Al-Bakri

Harus: Datuk Dr. Mohd Daud Bakar, Dr. Zaharuddin & Mufti Muhammad Abu Bakar

Tawaqquf: ISRA

Justeru, jika diukur daripada sudut kebaikan (masalah) pada mata wang ini, maka antara kebajikannya ialah:

- a. *Bitcoin* merupakan mata wang secara maya yang membolehkan perpidahan wang dilakukan lebih pantas dan menjimatkan kos jika berbanding dengan melalui sistem kewangan pada hari ini.
- b. Memberikan tahap keselamatan yang tinggi kepada pengguna berbanding menggunakan wang fizikal.
- c. Mempunyai kadar nilai yang tinggi pada hari ini, namun tetap terdedah kadar turun naik yang agak tidak stabil.
- d. Mampu dikenakan sebagai zakat

Namun begitu, *Bitcoin* juga mempunyai beberapa sudut keburukan (mafsadah) antaranya:

- a. *Bitcoin* tidak mempunyai sandaran nilai yang stabil dan tetap.
- b. Terdapat unsur-unsur *gharar* dalam transaksi *Bitcoin* khususnya di peringkat bursa (*exchange*).
- c. Boleh dimanipulasikan sebagai dana mudah bagi penjenayah untuk membiayai kegiatan keganasan dan penjenayah siber.
- d. Sistem keselamatan di bursa dagangan *Bitcoin* juga boleh mengundang masalah apabila pernah beberapa kali digodam sehingga mengakibatkan kerugian bernilai jutaan dolar.
- e. *Bitcoin* merupakan satu mata wang yang tidak diawasi oleh mana-mana badan berautoriti.
- f. Mampu memberi ancaman kepada sistem kewangan negara.
- g. Munculnya berbagai-bagai skim pelaburan *Bitcoin* yang kebanyakannya berasaskan skim cepat kaya (penipuan).

Selain itu, ketiadaan badan berautoriti yang mengawal selia mata wang ini juga boleh mengundang pelbagai perkara negatif seterusnya mampu mengganggu-gugat sistem mata wang rasmi dalam sesebuah negara. Berdasarkan pemerhatian terhadap amalan semasa, *Bitcoin* lebih dilihat sebagai satu aset pelaburan, dan tidak menepati tujuan asal penciptaan *Bitcoin* itu sendiri, iaitu sebagai mata wang alternatif kepada sistem mata wang fiat yang sedia ada

Justeru, tindakan menyekat penggunaan mata wang ini adalah wajar berdasarkan kepada kaedah *Sadd al-Zarai'* (menutup jalan yang boleh membawa kepada kemudaran) agar ia tidak berlegar di kalangan masyarakat umum. Sesuatu yang asalnya harus boleh dicegah apabila ia ternyata boleh membawa kemudaran yang lebih besar. Oleh itu, pemerintah dan badan berautoriti juga berhak untuk menghalang sebarang transaksi *Bitcoin* ini demi memelihara masalah masyarakat umum. Perkara ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang menyebut: Maksudnya: Tindakan seseorang pemerintah ke atas rakyat adalah berdasarkan kepada masalah.

Platform pembayaran zakat

Setelah meneliti hujah dan pandangan para sarjana Islam, terdapat persoalan sekiranya *Bitcoin* ini telah diharuskan hukumnya; dan bagaimana kesediaan institusi zakat menerima transaksi ini setelah cukup *haul*; setelah menepati semua syarat-syarat perniagaan serta diiktiraf sebagai mata wang yang sah? Kesediaan institusi zakat dapat dibahagikan kepada beberapa komponen utama yang saling berkaitan sebagai sebuah garis panduan seperti:

i) Pengetahuan dan Kemahiran

Pengetahuan dan kemahiran merupakan kunci utama kepada kesediaan institusi zakat dalam menerima transaksi *Bitcoin*. Pengetahuan dan kemahiran ini mampu diperolehi dengan 3 perkara seperti pendidikan; latihan dan usaha sama. Pendidikan seperti *research and development* perlu diadakan dari semasa ke semasa khusus dalam fokus ini. Latihan seperti kursus mahupun modul dan model yang bersesuaian kepada pegawai yang melaksanakan urusan ini juga perlu dijalankan. Akhirnya usaha sama dengan pihak yang berautoriti seperti Bank Negara Malaysia; Suruhan jaya sekuriti; Badan Akademik perlu dipergiatkan dari semasa ke semasa

ii) Teknologi

Teknologi terutama penggunaan transaksi *online* perlu diperkemas seiring dengan perkembangan teknologi masa kini. Teknologi ini dinamik dan bergerak pantas. Justeru, kesediaan seperti mempunyai modal insan yang kompeten dalam teknologi perlu dibangunkan. Selain itu, peralatan terkini yang menepati piawai standard untuk transaksi juga boleh diperkembangkan dan dibangunkan

iii) Ekonomi dan Pelaburan

Selain itu, setelah menerima transaksi *Bitcoin* ini, terdapat keperluan institusi zakat agar meneliti dari aspek ekonomi dan pelaburan. Mudah-mudahan, *Bitcoin* ini perlu menguntungkan agar mampu menjana pulangan yang lebih baik kepada asnaf dan pembayar zakat.

iv) Keselamatan

Keselamatan terutama dari aspek keselamatan siber perlu diberikan perhatian penting. Keselamatan ini menjadi rangkaian utama terhadap kesediaan institusi zakat dalam menerima transaksi *Bitcoin*. Ini untuk mengelakkan berlakunya penggodaman dan penipuan semasa berlakunya transaksi *Bitcoin* ini

v) Penambahbaikan Berterusan

Penambahbaikan berterusan ini dibahagikan kepada tiga aspek seperti; Perancangan; Pelaksanaan dan Pasca Pelaksanaan. Dari segi perancangan, institusi zakat perlu teliti merancang sebarang keputusan mengenai transaksi ini. Perancangan ini perlu dilakukan secara musyawarah dan bersama. Pelaksanaan pula perlu dijalankan berhati-hati kerana transaksi ini begitu terdedah kepada penipuan dan penggodaman. Dan akhirnya, pasca pelaksanaan perlu dinilai. Setiap hasil perkembangan perjalanan setahun transaksi ini boleh dinilai dalam mesyuarat; kolokium; simposium; seminar dalam skala dalaman mahupun luaran.

KESIMPULAN

LZNK merupakan sebuah institusi kewangan yang perlu bersedia dari seluruh dimensi dengan mewujudkan garis panduan penerimaan penggunaan wang krypto sebagai

pembayaran zakat dan wakaf. Walaupun pengiktirafan penggunaan wang krypto masih lagi dipersoalkan, namun senario dunia pada hari ini memberi tanda positif untuk menerima penggunaan wang krypto berpandukan dengan syarat-syarat yang bakal ditetapkan. Analisis hukum hakam semasa terhadap penggunaan wang krypto juga perlu dikenalpasti bagi mendedahkan pandangan pakar dan risiko terhadap penggunaan Bitcoin dalam kalangan masyarakat muslim.

PENGHARGAAN

Penghargaan kertas kerja ini diberikan kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan RIMC-UUM menerusi geran penyelidikan, KOD SO: 14291.

RUJUKAN

"What is Bitcoin?" (<http://money.cnn.com/infographic/technology/what-is-bitcoin/>)

- Ahmad S., & Yaacob, S. E. 2012. *Dinar Emas Sejarah Dan Aplikasi Semasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia; Yaacob, Salmy Edawati. 2015. *Dilema Dinar Emas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 68.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. tt. *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Jld. 4, hlm. 265.
- Al-Raghib al-Asfahani. tt. *al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Jld. 1, hlm.
- Al-Tabariy, Muhammad bin Jarir. tt. *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an*. Dar Hijr. Jld. 12, hlm.
- al-Zuhaili, Wahbah. 1996. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (terj.) Jld. 4, hlm. 653-654.
- Anwar Zainal Abidin. 2002. "Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar." hlm. 26. Lihat juga al-Baladhuri, *Futuh al-Buldan*, hlm. 653.
- Anwar Zainal Abidin. 2002. "Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar." *Ulum Islamiyyah*. Kolej Universiti Islam Malaysia. Jld. 1. no. 1. hlm. 25. Lihat juga Zarra Nezhad, Mansour. 2004. "A Brief History of Money in Islam and Estimating the Value of Dirham and Dinar." *Review of Islamic Economics* 8.2: hlm. 51-65. Lihat juga Wan Kamal Mujani. 2009. *Sejarah Dinar Dari Zaman Pra Islam Sehingga Zaman 'Uthmani*. Bangi : IKRAB, UKM. hlm 9. Lihat juga Salmy Edawati Yaacob. 2009. "Sejarah Dinar Emas dan Kronologi Pertukaran Mata Wang Dunia." *Jurnal Al-Tamaddun* 4 (2009): hlm. 107-127.
- Anwar Zainal Abidin. 2002. "Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar." *Ulum Islamiyyah*. Kolej Universiti Islam Malaysia. Jld. 1. no. 1. hlm. 25. Lihat juga Zarra Nezhad, Mansour. 2004. "A Brief History of Money in Islam and Estimating the Value of Dirham and Dinar." *Review of Islamic Economics* 8.2: hlm. 51-65. Lihat juga Wan Kamal Mujani. 2009. *Sejarah Dinar Dari Zaman Pra Islam Sehingga Zaman 'Uthmani*. Bangi : IKRAB, UKM. hlm 9. Lihat juga Salmy Edawati Yaacob. 2009. "Sejarah Dinar Emas dan Kronologi Pertukaran Mata Wang Dunia." *Jurnal Al-Tamaddun* 4 (2009): hlm. 107-127.
- BNM, (2018). Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-179 bertarih 22 Ogos 2017 bertajuk Penentuan Majlis Akad dan Serah Terima Bagi Bai' al-Sarf Dalam Operasi Kewangan Semasa yang dimuat naik di laman web Bank Negara Malaysia (www.bnm.gov.my).

- Chohan, Usman W., Bitconnect and Cryptocurrency Accountability (February 27, 2018). Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=3131512> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3131512>
- Crackdown-cryptocurrencies “*Fight fire with fire’: IMF’s Lagarde calls for Bitcoin crackdown*” 18 April 2018
- Edward Murphy et al, 2015, Bitcoin; Questions, Answers, and Analysis of Legal Issues, *Congressional Research Service*, hlm. 1
- Eulisa Safitri. (2019). Kebijakan Melegalisasi Cryptocurrency Sebagai Upaya Pemerintah Jepang Mengamankan Keamanan Nasional Jepang. *Journal of International Relations*, 5(2): 271-280
<http://coin.my/2018/01/16/bitcoin-matawang-komoditi-sekuriti-identiti-baru-bhgn-ii/>
Bitcoin: Mata Wang, Komoditi, Sekuriti atau Identiti Baru? Satu Perbincangan Minda Syariah (Bahagian II)- 18 Januari 2018
<http://fortune.com/2017/11/25/lost-bitcoins/> “Exclusive: Nearly 4 Million Bitcoins Lost Forever, New Study Says”
<http://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>
http://www.bnm.gov.my/documents/2017/20170623_FCA_EN.pdf
http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bnm_press&pg=bnm_press&ac=4629&lang=bnm “Bank Negara Malaysia mengeluarkan dokumen dasar untuk mata wang digital” 18 April 2018
http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_announcement&pg=en_announcement&ac=49&lang=en
http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_announcement&pg=en_announcement&ac=49&lang=en
<http://www.dailymail.co.uk/wires/afp/article-5231041/ECB-governor-calls-tax-regulation-Bitcoin.html> ECB governor calls for tax, regulation on Bitcoin – 13 Januari 2018
<http://www.dar-alifta.org/ar/Viewstatement.aspx?sec=media&ID=5617> “مفتي الجمهورية يبين حكم “التكوين” التعامل بالعملة الإلكترونية” (12 Januari 2018)
<http://www.independent.co.uk/life-style/gadgets-and-tech/news/bitcoin-price-live-updates-latest-value-exchange-rate-digital-cryptocurrency-futures-investment-a8147681.html> “Bitcoin price - live updates on the volatile cryptocurrency”-5 Januari 2018
<http://www.independent.co.uk/news/business/news/bitcoin-latest-updates-france-central-bank-currency-cryptocurrency-digital-francois-villeroy-de-a8086186.html> “Bitcoin isn't a currency or even a cryptocurrency, says France's central bank governor”
<http://www.qaradaghi.com/Details.aspx?ID=3790> 18 April 2018
<http://www.theedgemarkets.com/article/media-prima-hit-ransomware-attack-%E2%80%94-sources>
<http://www.wifaqululama.co.uk/images/Fatwa/wifaq-onecoin.pdf>
<https://en.mehrnews.com/news/139158/Iran-could-turn-to-cryptocurrencies-to-evade-some-sanctions>
<https://fintechnews.my/18950/blockchain/securities-commission-malaysia-ico-regulation/>
<https://rusi.org/commentary/cryptocurrencies-and-terrorist-financing-risk-hold-panic>
“Cryptocurrencies and Terrorist Financing: A Risk, But Hold the Panic” 15 Januari 2018

- <https://themalaysianreserve.com/2017/09/19/central-banks-cant-ignore-Bitcoin-boom-bis> says/ “Central banks can’t ignore the Bitcoin boom, BIS says” 16 Januari 2018
- <https://themalaysianreserve.com/2018/01/02/no-ban-cryptocurrency-tradings-says-johari/> “No ban on cryptocurrency tradings, says Johari”
- <https://www.bloomberg.com/news/articles/2018-01-17/virtual-currencies-seen-as-evolving-threat-by-u-s-treasury> U.S. Treasury Sees Virtual Currencies as ‘Evolving Threat’ – 18 Januari 2018
- <https://www.ccn.com/Bitcoin-hits-new-yearly-low-volume-only-way-to-reverse-trend-is-a-big-spike/>
- <https://www.cnbc.com/2017/11/30/Bitcoin-investors-beware-the-irs-wants-its-cut-and-you-may-not-know-it.html> Bitcoin investors beware: The IRS wants its cut and you may not know it – 18 Januari 2018
- <https://www.ecb.europa.eu/press/inter/date/2017/html/ecb.in171229.en.html> - 18 Januari 2018
- <https://www.economist.com/news/business/21638124-minting-digital-currency-has-become-big-ruthlessly-competitive-business-magic> "The magic of mining" - 13 January 2018
- <https://www.facebook.com/muamalat.my/posts/1414275821988496:0>
- <https://www.investopedia.com/news/japan-finally-recognizes-Bitcoin-after-long-battle/> “Japan Finally Recognizes Bitcoin After Long Battle”
- <https://www.justice.gov/usao-edny/pr/long-island-woman-indicted-bank-fraud-and-money-laundering-support-terrorists> “Long Island Woman Indicted for Bank Fraud and Money Laundering to Support Terrorists”
- <https://www.nytimes.com/reuters/2018/10/20/business/20reuters-japan-economy-boj-cryptocurrency.html>
- <https://www.reuters.com/article/uk-southkorea-Bitcoin/south-korea-to-impose-new-curbs-on-cryptocurrency-trading-idUSKBN1EM05K> “South Korea to impose new curbs on cryptocurrency trading”
- <https://www.reuters.com/article/us-bitcoin-exchange-southkorea/south-korean-cryptocurrency-exchange-to-file-for-bankruptcy-after-hacking-idUSKBN1ED0NJ> “*South Korean cryptocurrency exchange to file for bankruptcy after hacking*” – 9 Januari 2018
- <https://www.reuters.com/article/us-bitcoin-mtgox-bankruptcy/mt-gox-files-for-bankruptcy-hit-with-lawsuit-idUSBREA1R0FX20140228> “*Mt. Gox files for bankruptcy, hit with lawsuit*” - 8 Januari 2018
- <https://www.reuters.com/article/us-Bitcoin-mtgox-bankruptcy/mt-gox-files-for-bankruptcy-hit-with-lawsuit-idUSBREA1R0FX20140228> “*Mt. Gox files for bankruptcy, hit with lawsuit*” - 8 Januari 2018
- <https://www.reuters.com/article/us-cyber-nicehash/hackers-steal-64-million-from-cryptocurrency-firm-nicehash-idUSKBN1E10AQ> “*Hackers steal \$64 million from cryptocurrency firm NiceHash*” - 16 Januari 2018
- <https://www.reuters.com/article/us-cyber-nicehash/hackers-steal-64-million-from-cryptocurrency-firm-nicehash-idUSKBN1E10AQ> “*Hackers steal \$64 million from cryptocurrency firm NiceHash*” - 16 Januari 2018

- <https://www.reuters.com/article/us-ecb-Bitcoin-estonia/ecbs-draghi-rejects-estonias-virtual-currency-idea-idUSKCN1BI2BI> ECB's Draghi rejects Estonia's virtual currency idea – 18 Januari 2018
- <https://www.reuters.com/article/us-ecb-Bitcoin-nowotny/ecbs-nowotny-says-central-banks-considering-cryptocurrency-regulation-idUSKBN1DG2NX> ECB's Nowotny says central banks considering cryptocurrency regulation – 11 Januari 2018 dan
- <https://www.reuters.com/article/us-usa-sec-Bitcoin/sec-warns-Bitcoin-cryptocurrency-investors-at-risk-idUSKBN1ET1YI> SEC warns Bitcoin, cryptocurrency investors at risk – 17 Januari 2018
- <https://www.rpc.co.uk/press-and-media/uk-cryptocurrency-regulations-could-take-up-to-two-years-based-on-comparable-regulatory-extensions/>
- https://www.sc.com.my/my/post_archive/media-statement-on-initial-coin-offerings/ “Media Statement on Initial Coin Offerings”- 9 Januari 2018
- <https://www.theguardian.com/technology/2018/feb/06/Bitcoin-price-crackdown-bis-cryptocurrency> “Bitcoin price falls below \$6,000 as banker signals crackdown”
- <https://www.theguardian.com/technology/2018/mar/13/imf-christine-lagarde-calls-Bitcoin->
<https://www.thestar.com.my/business/business-news/2017/12/15/bnm-rm75m-cryptocurrencies-transactions-each-month/> “BNM: RM75m cryptocurrencies transactions each month” – 7 Januari 2018
- <https://www.wsj.com/articles/bitcoin-paypal-used-to-finance-terrorism-indonesian-agency-says-1483964198> “Bitcoin, PayPal Used to Finance Terrorism, Indonesian Agency Says”- 15 Januari 2018
- <https://www.wsj.com/articles/Bitcoin-paypal-used-to-finance-terrorism-indonesian-agency-says-1483964198> “Bitcoin, PayPal Used to Finance Terrorism, Indonesian Agency Says”- 15 Januari 2018
- Ibn Khaldun, Abdul Rahman bin Muhammad. tt. *al-Muqaddimah*. t.tp: t.pt. Jld. 1, hlm. 215.
- Ibnu al-Qayyim. 1973. *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Jil. Jld. 2, hlm. 157.
- Ibnu Taimiyyah, Taqiy al-Din Ahmad. *Majmu' al-Fatawa*. Darul Wafa'. Cet. 3, Jld. 29, hlm. 471-
- Imam al-Bukhari. tt. *Sahih al-Bukhari*. Dar Tuq al-Najat. Jil. 3, hlm. 74, hadis no. 2177.
- Imam Muslim. tt. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. Jil. 3, hlm. 1210, hadis no. 1584.
- Imam Muslim. tt. *Sahih Muslim*.. Jil. 3, hlm. 1210, hadis no. 1587.
- Juniper Research. (2018). Juniper: 2.1B people will use mobile wallets by next year. https://www.juniperresearch.com/home?utm_campaign=mobilewallets18pr1&utm_source=businesswire&utm_medium=email
- Marjan Muhammad, 2018, *Analisis Syariah Terhadap Mata Wang Kripto*. Dibentangkan di Persidangan Meja Bulat Mata Wang Kripto dan Sistem Kewangan Digital di Dewan Besar IKIM (28 Februari 2018)
- Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-179 bertarikh 22 Ogos 2017 bertajuk Penentuan Majlis Akad dan Serah Terima Bagi Bai` al-Sarf Dalam Operasi Kewangan Semasa yang dimuat naik di laman web Bank Negara Malaysia (www.bnm.gov.my).

- Mufti Muhammad Abu Bakar, 2018, *Shariah Analysis of Bitcoin, Cryptocurrency, & Blockchain*, Blossom Labs Inc, hal. 19-20
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>
- Mustafa Bugha et. al. 1992. *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'ie*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Jld. 6. hlm. 94-97.
- Nazim al-Syamri Muhammad Nuri. 1987. *al-Nuqud wa al-Masarif*. Beirut: Dar al-Kutub li al-Tiba'ah wa al-Nasyr. hlm. 142.
- Radhesh Krishnan Konoth, Rolf van Wegberg, Veelasha Moonsamy, Herbert Bos. (2019). Malicious cryptocurrency miners: Status and Outlook. *Computers and Society*.
<https://arxiv.org/abs/1901.10794>
- Rujuk Satoshi Nakamoto, t.t, Bitcoin: A Peer-to-Peer Electronic Cash System, www.Bitcoin.org
- Sahnun, Muhammad bin Said. tt. *al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jld. 8, hlm. 305.
- Sat, D. M., G. O. Krylov, K. Evgenyevich, B. Bezverbnyi, A. B. Kasatkin, and I. A. Kornev. 2016. Investigation of Money Laundering Methods through Cryptocurrency. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology* 83 (2):244–254.
- Wan Kamal Mujani. 2009. *Sejarah Dinar Dari Zaman Pra Islam Sehingga Zaman 'Uthmani*. hlm. 10; Salmy Edawati Yaacob. 2009. "Sejarah Dinar Emas dan Kronologi Pertukaran Mata Wang Dunia." hlm. 110.
- Yaacob, Salmy Edawati. "Sejarah Dinar Emas dan Kronologi Pertukaran Mata Wang Dunia." hlm. 112.
- Yarli, D. (2018). Analisis Akad Tijarah Pada Transaksi Fintech Syariah Dengan Pendekatan Maqhasidyudisia: *Jurnal Pemikiran Hukum Dan Hukum Islam*. 9(2): 1-13. DOI : 10.21043/yudisia.v9i2.476
- Zarra Nezhad, Mansour. "A Brief History of Money in Islam and Estimating the Value of Dirham and Dinar." hlm. 51-54. Anwar Zainal Abidin. 2002. "Sejarah Penggunaan Mata Wang Dinar." hlm. 28.
- Ziegler, Steven, Innovative Legislation is Necessary to Address Terrorist & Criminal Use of Cryptocurrency (December 14, 2018). Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=3326151> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3326151>